

KEPENTINGAN PEMIKIRAN KRITIS DALAM PENGAJARAN AKIDAH KSSM MENDEPANI ERA DIGITAL

Juliana Omar^a, Norhisham Muhamad^b

^a Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia, nurkasih_mujahidah@yahoo.com.my

^b Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia, nhisham@fsk.upsi.edu.my

Published: 30 November 2024

To cite this article (APA): Omar, J., & Muhamad, N. (2024). Kepentingan pemikiran kritis dalam pengajaran akidah KSSM mendepani era digital. *Firdaus Journal*, 4(2), 36-49. <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol4.2.4.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol4.2.4.2024>

Abstrak

Kajian ini adalah untuk meneroka kepercayaan Guru Pendidikan Islam (GPI) terhadap kepentingan amalan penerapan kemahiran berfikir kritis dalam pengajaran Bidang Akidah di sekolah menengah. Kajian ini berbentuk kajian kes, dengan menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya. Pengumpulan data dilakukan melalui temu bual separa berstruktur. Data dianalisis menggunakan perisian ATLAS.ti versi 23. Data kualitatif daripada temu bual ini dianalisis secara deskriptif bagi mendapatkan tema, sub tema dan dapatan kajian. Seramai lima orang GPI yang telah berkhidmat di dua buah sekolah di Negeri Perak telah dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan. Kajian mendapati GPI mempunyai kepercayaan yang kuat terhadap kepentingan penerapan kemahiran berfikir kritis di dalam pengajaran Bidang Akidah KSSM. Dapatan mengenai pelaksanaan penerapan ini menunjukkan keselarian antara kepercayaan guru dengan pelaksanaannya di dalam pengajaran. Kesimpulan daripada kajian menunjukkan kepercayaan GPI terhadap kepentingan penerapan kemahiran berfikir kritis telah mempengaruhi amalan dan tindakan GPI untuk menerapkannya di dalam pengajaran Akidah. Implikasi kajian ini menunjukkan kepercayaan dan amalan penerapan kemahiran berfikir kritis dalam kalangan GPI dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembangunan intelektual serta penghayatan Akidah murid melalui pengajaran Bidang Akidah KSSM.

Kata kunci: Kepentingan, pemikiran kritis, Guru Pendidikan Islam, Pengajaran Akidah KSSM

PENGENALAN

Mendepani era digital yang semakin mencabar, Guru Pendidikan Islam perlu merancang strategi pengajaran khususnya di dalam Bidang Akidah yang dapat mempersiapkan murid mendepani cabaran di era dunia pendidikan menerusi kecerdasan buatan yang bakal membawa anjakan paradigma baharu dalam pendidikan. Namun dalam usaha meletakkan sistem pendidikan Malaysia dalam kelompok sepertiga teratas dunia, aspek pengukuhan rohani terutamanya penghayatan Akidah murid tidak wajar dikesampingkan. Tambahan pula, aspek Kepercayaan Guru Pendidikan Islam terhadap amalan pengajaran merupakan elemen penting yang turut mempengaruhi tingkahlaku pengajaran. Rentetan itu, bidang Akidah merupakan bidang yang berperanan penting dalam merealisasikan pembangunan murid secara holistik yang sejajar dengan Falsafah Pendidikan Islam dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pembinaan Akidah yang kukuh dan mantap serta berterusan dapat

menjelmakan individu yang memiliki kekuatan ilmu dan agama. Hal ini kerana dimensi Akidah yang bukan sahaja merupakan asas kepada fiqh dan akhlak tetapi juga lebih bersifat aqliah dan pemikiran (Mohd Zaidi, 2019). Namun, tidak dapat dinafikan bahawa ledakan globalisasi serta Era Revolusi Perindustrian 4.0 menambahkan lagi cabaran kepada guru khususnya Guru Pendidikan Islam dalam mencorakkan kaedah pengajaran yang berkesan. Menyedari hakikat ini, sebagai pemangkin minda kelas pertama, Guru Pendidikan Islam memainkan peranan penting menyampaikan ilmu yang berkualiti serta seimbang. Tegasnya, Pendidikan Islam yang berteraskan akidah ketuhanan sewajarnya menjadi sandaran utama dalam menghadapi pengaruh budaya dan ideologi pemikiran Barat di era pendidikan digital dan teknologi maklumat tanpa sempadan.

TINJAUAN LITERATUR

Sejajar dengan saranan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) yang menghendaki setiap pelajar mempunyai tahap kemahiran memimpin, dwibahasa, etika dan kerohanian, identiti sosial, pengetahuan dan kemahiran berfikir, maka pelaksanaan aspek KBAT khususnya pemikiran kritis amat tidak wajar dikesampingkan dalam usaha merealisasikan budaya berfikir di era pendidikan abad ke-21. Umumnya, kajian amalan pengajaran kemahiran berfikir kritis dalam kalangan GPI memiliki perkaitan erat dengan falsafah, matlamat dan tujuan Pendidikan Islam (PI) (Nursafra Mohd Zhaffar, 2017). Pendidikan Islam bertujuan membangunkan intelek insan kerana penting untuk membongkar kebenaran hakiki iaitu menemukan insan kepada pencipta (Suhid & Fakhruddin, 2012 dalam Abdullah, 1982). Menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, kemahiran berfikir menjadi fokus dalam kemahiran Abad Ke-21 ke arah melengkapkan murid berdepan cabaran dunia semasa (Norazilawati Abdullah, 2020). Kemahiran ini dimasukkan secara eksplisit dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Pendidikan Islam (PI). Kini, kemahiran berfikir kritis menjadi salah satu elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) (KPM, 2017).

Di samping itu, keupayaan untuk menjelmakan hasil pemikiran menerusi aspek penyampaian, pengendalian kelas dan pentadbiran pembelajaran yang menyeluruh menjadi penanda aras penting pengajaran guru pada abad ini melalui pelaksanaannya yang mengaplikasikan kepelbagaian pola pemikiran. Rentetan itu, Pendidikan Akidah yang merupakan teras kepada pelaksanaan syariat secara syumul dan holistik menuntut pendekatan pengajaran yang tidak semata-mata memindahkan ilmu bahkan berupaya menyuburkan dan mengukuhkan nilai keimanan (Mohd Arif Kasmu, 1998). Dalam konteks pengajaran Akidah, Fatimah Abdullah (2005) berpendapat pengajaran Akidah memerlukan penambahbaikan kaedah pengajaran yang lebih dinamik dan terkini sebagai persediaan menghadapi cabaran dan keperluan semasa. Hal ini menuntut tanggungjawab guru mendidik murid agar kefahaman mendalam terhadap Islam menjadi tunjang kehidupan (Mohd Zaidi Ismail, 2013). Justeru, falsafah dan konsep PI tersebut perlu difahami supaya GPI dapat menyesuaikan kaedah didikan mengikut zaman dengan matlamat akhir pendidikan itu sendiri (Nursafra, 2017). Dalam konteks Pendidikan Islam hari ini, para pendidik dan murabbi perlu memberi penekanan yang serius terhadap aspek kecerdasan intelektual murid. Penekanan kepada aspek akidah dalam mendidik akal agar berkeupayaan mendepani cabaran semasa pada hari ini. Kekuatan intelektual murid perlu diiringi bersama dengan penekanan aspek akidah bagi membentuk kesepaduan antara intelektual dan rohani dalam usaha melahirkan murid yang kamil.

Justeru, kajian berkenaan penerapan pemikiran kritis dalam kalangan Guru Pendidikan Islam (GPI) dilihat amat penting dan berkait rapat dengan FPK serta Falsafah Pendidikan Islam (FPI) itu sendiri. Selain itu, ia juga turut dipengaruhi oleh keperluan semasa

serta cabaran yang perlu dihadapi oleh sistem pendidikan negara dalam usaha membangunkan insan yang berpegang teguh dengan ajaran agama.

Tambahan pula, Subjek Akidah merupakan teras dalam Pendidikan Islam KSSM yang diajar dalam Tingkatan satu hingga Tingkatan lima (Wan Hasan Wan Embong & Kamarul Azmi Jasmi, 2019). Di samping itu, Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menjadi tunjang kepada sistem Pendidikan negara turut menekankan unsur pembangunan intelek yang mengambil kira aspek hikmah, iaitu ilmu yang boleh membawa kepada kebenaran, ilmu yang bermanfaat serta daya pemikiran yang logik dan analitis (Wan Hasan Wan Embong & Kamarul Azmi Jasmi, 2019). Selain itu, Adnan 2002, telah merumuskan berkaitan elemen penting dalam kandungan kurikulum semakan semula bahawa Pendidikan Islam ialah tumpuan memantap dan mengukuhkan iman dan takwa dengan menjelaskan konsep Akidah dan mencari sebab musabab berkaitan dengannya untuk meningkatkan benteng ketahanan diri. (Wan Hasan Wan Embong & Kamarul Azmi Jasmi, 2019). Hal ini memberi isyarat bahawa Sistem Pendidikan Islam sewajarnya menggalakkan murid mengaitkan teori, fakta, hipotesis dan maklumat agar berupaya membentuk satu jalinan kebenaran yang saling berkait. Hasilnya, murid tidak mudah keliru dengan pelbagai ancaman pemikiran yang tidak seiring dengan pedoman wahyu.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes dengan pendekatan kualitatif. Kajian kes dilihat bersesuaian dengan matlamat untuk membuat penerokaan terhadap kepercayaan Guru pendidikan Islam terhadap amalan penerapan kemahiran berfikir kritis dalam pengajaran Bidang Akidah KSSM. Pemilihan kaedah kualitatif ini adalah berlandaskan beberapa sebab. Antaranya, kajian yang berkaitan kepercayaan dan amalan adalah suatu proses yang berlapis-lapis dan agak kompleks. Maka, kaedah kualitatif lebih sesuai digunakan bagi menghuraikan fenomena yang berlaku.

Tambahan pula, Creswell (1998) menjelaskan penyelidikan kualitatif dapat membantu penyelidik dalam usaha untuk meneroka proses dan bentuk amalan atau praktik, dapat menyediakan perspektif yang kaya dan terperinci serta membantu penyelidik memahami dengan lebih mendalam tentang proses dan bentuk-bentuk sesuatu amalan. Justeru, kajian kualitatif adalah lebih sesuai dan relevan digunakan bagi menjawab persoalan kajian tentang amalan penerapan kemahiran berfikir kritis dalam pengajaran Bidang Akidah KSSM

Manakala persampelan kajian diambil daripada hasil temubual yang dijalankan oleh pengkaji dengan lima orang GPI di dua buah sekolah menengah kategori SBP di Negeri Perak.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN


Tema dan juga subtema kepentingan penerapan kemahiran berfikir kritis dalam pengajaran Bidang Akidah KSSM dirumuskan dalam jadual matriks perbandingan Jadual 1 untuk memudahkan pemahaman.

Jadual 1: Rumusan tema dan subtema kepentingan penerapan kemahiran berfikir kritis dalam pengajaran Bidang Akidah KSSM

Kategori	Tema	Sub tema
Kepentingan dan kesesuaian Pemikiran kritis dalam Pengajaran Akidah KSSM	Kesesuaian	i- Peranan Guru Pendidikan Islam ii-Kedudukam Akidah iii-Sesuai untuk kepimpinan iv-Keadaan remaja sekarang
	Kepentingan	i-Seimbang JERIS ii-Kepentingan dakwah iii-Elak ancaman negatif iv-Memantapkan Akidah v-Kesan Positif

Kesesuaian amalan penerapan kemahiran pemikiran kritis dalam pengajaran Akidah KSSM

Berikutnya adalah sub tema dari aspek kesesuaian amalan penerapan kemahiran berfikir kritis dalam pengajaran Akidah KSSM di sekolah menengah, data menunjukkan peserta kajian mempunyai kepercayaan bahawa penerapan kemahiran berfikir kritis dalam pengajaran Akidah KSSM sesuai dilaksanakan di peringkat sekolah menengah. Bagi konteks ini, kesesuaian merujuk kepada empat aspek iaitu i) peranan Guru Pendidikan Islam, ii) kedudukan Akidah, iii) sesuai untuk kepimpinan dan iv) keadaan remaja sekarang. Rajah 1 menunjukkan Tema kesesuaian dan subtema-subtemanya:



Rajah 1: Kepercayaan Guru Pendidikan Islam Terhadap Kesesuaian Penerapan Kemahiran Berfikir Kritis Dalam Pengajaran Akidah KSSM di bawah Tema Kesesuaian

Peranan Guru Pendidikan Islam

Tema yang pertama bagi persoalan kepentingan amalan penerapan kemahiran berfikir kritis dalam pengajaran Akidah KSSM adalah kesesuaian berdasarkan peranan Guru Pendidikan Islam. Terdapat enam subtema yang mendasari tema peranan Guru Pendidikan Islam iaitu sedar tanggungjawab GPI, GPI sebagai mudarris, GPI sebagai muaddib, GPI sebagai muallim, GPI sebagai mursyid dan GPI sebagai murabbi.

a) Sedar Tanggungjawab GPI

Kesesuaian amalan penerapan pemikiran kritis dalam pengajaran Akidah KSSM berdasarkan peranan Guru Pendidikan Islam wujud apabila GPI sedar tanggungjawab mereka sebagai GPI. Ustazah Deja mempunyai kesedaran akan tanggungjawab GPI sangat berat. GPI diibaratkan seperti cermin bagi setiap anak murid. Ustazah Deja menyatakan kesesuaian menerapkan kemahiran berfikir kritis dalam pengajaran Akidah ini sesuai dalam usaha GPI menunjukkan *qudwah hasanah* kepada setiap anak murid. Ujar Ustazah Deja:

"so satu, mesti jadi cerminan yang baik lah, Qudwatun hasanah. Qudwah hasanah kepada anak-anak pelajar.mhm. Sebab dia akan menilai, pelajar hari ini kritisnya dia, (senyum) dia akan menilai, dia suka tengok. dia akan nilai. "Oh cikgu ni macam mana?" (4:63/241/TB USTH Deja)

Hal ini disokong oleh Ustaz Zul yang menjelaskan bahawa kesedaran akan tanggungjawab sebagai seorang GPI itu penting. Jelas Ustaz Zul:

"pertama sekali peranan dia, dia mesti memahami diri dia itu siapa. Mhm. Aa dia kena faham diri. "aku sebagai Guru Pendidikan Islam. Bila aku Guru Pendidikan Islam, tugas aku sebagai tugas khalifah untuk beri fahaman kepada anak murid aku tentang Allah yang Maha Mencipta". (7:66 / 199 /TB UST ZUL)

Disamping itu, Ustaz Zul turut menjelaskan implikasi seandainya GPI tidak memahami tanggungjawab sebagai GPI dalam memberikan ajaran yang sebenar mengenai Islam. Ujar Ustaz Zul:

"jika kita tak faham maka susahlah. Mungkin kita akan buat satu itu tanpa ikhlas, tak ikhlas, "letihlah kerja ini." aa. jadi makna Guru Pendidikan Islam ni dia. bagi sayalah, dia mesti kefahaman dia berbeza dengan guru-guru lain. Sebab Guru Pendidikan Islam, nama pun GPI, Guru Pendidikan Islam. Yang penting itu "Islam" tu". (7:68/199/TB UST ZUL)

b) GPI Sebagai Mudarris

Terdapat GPI yang meyakini bahawa penerapan kemahiran berfikir kritis dalam pengajaran Akidah KSSM dianggap sesuai dengan peranan GPI sebagai mudarris. Bagi Ustaz Kamal, penerapan kemahiran berfikir kritis sesuai dengan peranan GPI sebagai mudarris kerana GPI akan menerapkan pemikiran kritis secara asas mengikut tahap penerimaan murid ketika pengajaran dilaksanakan. Ustaz Kamal menyatakan:

"tapi maksudnya secara asasnya, ia pada tahap penerimaan pelajar itu akhirnya mereka akan terima di samping dalil naqli, dari segi akal nya pun mereka akan yakin Allah Taala Maha Esa.. ada kewujudan nabi-nabi aa.". (3:41/179/TB UST KAMAL)

Ustaz Kamal menambah lagi, kesesuaian penerapan kemahiran berfikir kritis dapat memberikan impak yang padu dalam diri murid apabila peranan GPI sebagai mudarris digabungkan dengan *muallim*, *mursyid*, *mudarris* dan juga *muaddib*. Ustaz Kamal menjelaskan:

“Kemudian di samping itu, sebagai muallimnya, mursyid, mudarris dan juga muaddib.. dan jadi semua itu kalau digabungkan maka saya tak nampaklah ya para pelajar ni kenapa tak boleh jadi pelajar yang hebat. Terutamanya dalam bidang agama lah. Insya-Allah hmm”. (3:42/179/TB UST KAMAL)

c) GPI Sebagai Muaddib

Penerapan kemahiran berfikir kritis juga dianggap sesuai dengan peranan GPI sebagai *muaddib*. Ustaz Zul berpendapat bahawa penerapan kemahiran berfikir kritis sesuai dengan peranan GPI dalam menta'dib murid ke arah akhlak mulia. Ustaz Zul menjelaskan:

“menta'dib pelajar kepada akhlak yang mulia. Mhm. “wainnaka khuluqul adzim” Sesungguhnya Engkau ni wahai Muhammad membawa akhlak yang, yang sangat baik.” (7:70/ 199/TB/UST ZUL)

Tambahan pula, Ustaz Kamal menyatakan bahawa GPI itu mnyambung tugas Nabi SAW dalam menyampaikan dakwah kepada murid. Maka, kemahiran berfikir kritis aan mendorong murid berfikir tentang akibat- akibat dalam setiap tindakan yang diambil. Ustaz Kamal menjelaskan:

“Okey pertamanya, apa ni sebagai da'i lah. Da'i tu itu apa menyambung tugas Nabi tugas Nabi ya.. menyampaikan dakwah kepada para pelajar, mengajak mereka kepada makruf..dan juga mencegah mereka daripada kemungkaran. Aa jadi benda yang makruf kita suruh mereka berfikir tentang akibat-akibat...aa melakukan benda yang baik.” (3:39/179/TB/USTAZ KAMAL)

d) GPI Sebagai Muallim

Terdapat juga GPI yang merasakan kemahiran berfikir kritis sesuai dengan peranan GPI yang menyampaikan ilmu dengan penuh amanah. Ustaz Zul menjelaskan bahawa:

“Sebab tu dalam pepatah Arab ada menyebut “kadal al muallim an yakuna rasulan” hmm hampir-hampir seorang guru tu dia menjalankan tugas sebagai seorang rasul.. “kadal al muallim an yakuna rasulan” hmm hampir-hampir seorang mualim tu, seorang guru tu aa pendidik tu “an yakuna rasulan” insya-Allah dia, dia macam Rasul menyampaikan dengan penuh amanah, menyampaikan ilmu “balighul anni walau ayah”. (7:73/199/TB /UST ZUL)

Selain itu, Ustazah Deja juga menyifatkan GPI merupakan pembimbing murid dalam proses menyampaikan ilmu. Maka kesesuaian diterapkan kemahiran berfikir kritis dalam pengajaran Akidah KSSM bertepatan dengan peranan GPI sebagai *muallim*. Ustazah Deja menyatakan:

“macam saya sebut tadi,aa dia kena jadi guide lah. Kalau kita sebut pada hari ini aa dialah mualimnya, mursyidnya kan.. kalau kata hari ni da'ie dan sebagainya lah.” (4:60/231 – 232/TB USTH DEJA)

e) *GPI Sebagai Mursyid*

Kesesuaian penerapan kemahiran berfikir kritis juga dilihat sesuai dengan peranan guru sebagai *mursyid*. Hal ini dapat dilaksanakan di dalam pengajaran Akidah melalui GPI mendatangkan permasalahan untuk difikirkan oleh murid. Menurut Ustaz Bukhari, guru perlu merangsang minda murid dengan kerap bertanyakan soalan dalam proses membimbing murid. Ustaz Bukhari menjelaskan:

“kena datangkan juga satu masalah yang lain untuk pelajar fikirkan..dan kita kena ransang pelajar..jadi bila nak kritis, kita kena tanya soalan..antaranyalah kaedah atau pendekatannya banyak tanya soalan supaya dia fikir.. dan kalau kata pelajar kalau kita nak ajar dia” (5:27/159/TB UST BUKHARI)

Selain itu, Ustaz Zul pula membimbing murid dengan memberi pencerahan kepada murid pada kadar yang tidak dapat dicapai dengan akal murid. Ustaz Zul menyatakan:

“Jadi kita sebagai guru, sebagai fasi lah.. kita ulas setiap perbincangan mereka itu kita ulas..Kalau yang masih kelabu-kelabu itu kita jelaskan. Mungkin ada tengah bentang itu ada seorang pelajar yang bagi soalan yang tak dapat jawab, kita jelaskan di sini. Aa itu peranan kita sebenarnya memberi pencerahan kepada kadar yang pelajar tak dapat capai..” (7:117/375/TB P3 UST ZUL)

f) *GPI Sebagai Murabbi*


Terdapat juga GPI yang meyakini Kemahiran berfikir kritis sesuai diterapkan dengan peranan GPI sebagai *murabbi*. Melalui peranan *murabbi*, GPI dapat membimbing para pelajar menggunakan akal secara berhikmah dan terpandu. Ustaz Kamal menjelaskan:

“Ha. dan di samping itu, sebagai juga kita kata ya murabbi lah. Aa murabbi ni aa membimbing para pelajar menggunakan akal dengan cara yang betul” (3:40/79/TB UST KAMAL)

Tambahan pula, GPI yang berperanan sebagai seorang murabbi sangat dekat dengan tugas mengkaji ilmu-ilmu berkaitan agama Islam. Ustaz Zul pula menjelaskan:

“bila nama Guru Pendidikan Islam ialah guru ni dia mengkaji al-Quran, kaji Hadis, mengkaji Sirah, mengkaji Tauhid. Dan dia adalah sebagai aa.. di samping dia guru, dia juga adalah murabbi sebenarnya” (7:69/199/TB UST ZUL)

Secara keseluruhannya, rajah di bawah memaparkan tema yang pertama bagi persoalan berkaitan kesesuaian amalan penerapan kemahiran berfikir kritis dalam Bidang Akidah KSSM:



Rajah 2: Kepercayaan Guru Pendidikan Islam Terhadap Kesesuaian Penerapan Kemahiran Berfikir Kritis Dalam Pengajaran Akidah KSSM di bawah Sub tema Peranan GPI

Kedudukan Akidah

Data menunjukkan penerapan kemahiran berfikir kritis dalam pengajaran Akidah bersesuaian dengan kedudukan Akidah. Akidah adalah komponen penting dalam Islam kerana melibatkan fakta yang benar. Ustazah Eda menjelaskan bahawa:

“Kalau pendapat saya aa.. kalau tentang aa konsep pemikiran kritis ni aa sesuailah, sebab dia dari situ dia boleh.. aa sebab macam.. macam saya cakap tadilah Bidang Akidah ni benda yang fakta kan, maksudnya dia tak dapat terus, terus bagi berkongsi aa maksudnya dia akan buat analisa, okey” (1:49/415/TB USTH EDA)

Seterusnya, Akidah mempunyai kedudukan yang sangat penting dalam Islam. Akidah menjadi benteng agar murid-murid sentiasa berada pada landasan yang benar. Maka penerapan kemahiran berfikir kritis dalam pengajaran Akidah bersesuaian dengan kedudukan Akidah itu sendiri. Menurut Ustazah Deja:

“Sebab itulah yang akan menjadi benteng akan menjadi teras kepada anak-anak pelajar ini untuk berada di landasan yang tadilah” (4:46/167/TB USTH DEJA)

Sesuai Untuk Kepimpinan

Penerapan kemahiran berfikir kritis dalam pengajaran Akidah sekolah menengah juga dilihat sesuai untuk membentuk kepimpinan murid. Bagi Ustaz Zul yang mengajar di SBP1, penerapan kemahiran berfikir kritis bersesuaian dengan keperluan dan latar persekitaran muridnya yang terdiri dalam kalangan murid lelaki keseluruhannya. Bahkan, bertepatan dengan moto sekolah beliau yang menjurus ke arah melahirkan pemimpin. Ustaz Zul menjelaskan:

“Sebab itulah yang akan menjadi benteng akan menjadi teras kepada anak-anak pelajar ini untuk berada di landasan yang tadilah” (4:46/167/TB USTH DEJA)

Tambahan pula, Ustazah Eda mengukuhkan lagi penjelasan Ustaz Zul dengan menerangkan bahawa murid-murid di sekolahnya cenderung mencetuskan pemikiran kritis dengan mengemukakan pertanyaan-pertanyaan yang menjurus ke arah aspek kepimpinan. Ustazah Eda menjelaskan:

“itu pengalaman bila mengajar sekolah yang pelajar-pelajar advance ni, bila kita tengok.. sebab dia akan tanya “ooh ustazah. Kenapa orang yang aa aa contohnya aa politik-politik..” aa dia akan macam itu tapi tak naklah kata “aa okay aa kamu aa janganlah keluarkan sangat nampak sangat tentang nak menyentuh politik kan? ” (1:43/342/TB USTH EDA)

Keadaan Remaja Sekarang

Pengajaran Akidah dengan menerapkan kemahiran berfikir kritis dilihat bersesuaian dengan keadaan remaja masa kini yang merupakan zaman teknologi. Menurut Ustazah Deja:

“sesuai dengan zaman dan peredaran masa zaman sekaranglah, dengan aa zaman teknologi”. (4:54/193/TB USTH DEJA)

Ustaz Bukhari juga sependapat dengan menyatakan bahawa remaja sekarang mudah menjadikan perkara baharu sebagai ikutan tanpa direnung secara mendalam implikasi buruknya kepada Akidah. Ustaz Bukhari menjelaskan:

“Tambah-tambah lagi banyak benda baru yang Terlalu mudah menjadi ikutan yang kadang-kadang hanya mengikut sahaja tapi tidak dilihat secara mendalam. Boleh ke tak boleh benda yang diikuti tersebut.. lagu-lagu.. Lirik-lirik lagu bahasa Inggeris memang makanan telinga pelajar-pelajar kan sambil dia study dan sebagainya dia dengar lagu tapi kemungkinan tanpa sedar dia hanya ikut disebabkan rentaknya sedap didengar lirik dia tidak memberikan tumpuan kan dia ikut menyebut Lirik tersebut” (5:19/112/TB UST BUKHARI)

Begitu juga dengan pendapat Ustaz Kamal yang berpandangan bahawa kemahiran berfikir kritis dalam Bidang Akidah sesuai dengan keadaan remaja sekarang agar dapat membandingkan sumber maklumat dan ilmu yang diperolehi dari sumber Barat dan Islam. Ustaz Kamal menjelaskan:

“Pada saya amat sesuai juga perbandingan.. sebab itu kalau dalam konteks kalau belajar dulu di UIA sendiri memang dia ada apa ni ..apa ya istilahnya.. aa ya epistemologi itu.. kemudian dia nak mengislamisasikan ilmu aa.. jadi aa kenapa ini berlaku? kalau kita berada pada Zaman Kerajaan Abbasiyah ke , Umayyah ke. Di sana pun sudah ada falsafah-falsafah barat...” (3:31/ 117/TB UST KAMAL)

Kepentingan Amalan Penerapan Kemahiran Pemikiran Kritis dalam Pengajaran Akidah KSSM

Berikutnya adalah sub tema dari aspek kepentingan amalan penerapan kemahiran berfikir kritis dalam pengajaran Akidah KSSM di sekolah menengah, data menunjukkan peserta kajian mempunyai kepercayaan bahawa penerapan kemahiran berfikir kritis dalam pengajaran Akidah KSSM memiliki kepentingan untuk dilaksanakan di peringkat sekolah menengah. Bagi konteks ini, kepentingan merujuk kepada lima aspek iaitu i) seimbang JERIS, ii) kepentingan dakwah, iii) elak ancaman negatif, iv) memantapkan Akidah dan v) kesan positif. Rajah di bawah memaparkan kepercayaan GPI terhadap kepentingan penerapan kemahiran berfikir kritis dalam pengajaran Akidah KSSM di bawah kod kepentingan;



Rajah 3: Kepercayaan Guru Pendidikan Islam Terhadap Kepentingan Penerapan Kemahiran Berfikir Kritis Dalam Pengajaran Akidah KSSM di bawah Tema Kepentingan

Seimbang JERIS

Kepentingan pertama adalah dapat seimbang jasmani, emosi, rohani, intelektual dan juga sosialis (JERIS) dalam kalangan murid. Hal ini dilihat sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FSK) yang berhasrat melahirkan rakyat yang holistik. Menurut Ustaz Bukhari, kemahiran berfikir kritis penting untuk keseimbangan JERI bagi menyandarkannya kepada konsep ketuhanan. Ustaz Bukhari menyatakan :

“falsafah yang dinyatakan..untuk meningkatkan JERI tu.. jasmani, emosi, rohani, intelek dan semua itu...tetapi dengan menisbalkannya.. menyandarkannya kepada konsep ketuhanan.” (5:24/133/TB UST BUKHARI)

Ustaz Bukhari menyambung lagi bahawa konsep kritis dalam pengajaran Akidah ini penting untuk memandu intelektual atau pemikiran murid ke arah keimanan kepada Allah. Jelas Ustaz Bukhari:

“maknya memang sesuai kritis KBAT dalam Akidah ini diterapkan sebab kita tak nak pemikiran tu...aaa.. kita nak pemikiran kritis dalam akidah tu akan mengembalikan..atau membawa pelajar lebih kepada mengenal Allah..lebih kepada beriman kepada Allah SWT”. (5:25/33/TB UST BUKHARI)

Selain itu, Ustazah Deja berpendapat pemikiran kritis yang diterapkan dapat memberi kesan kepada rohani dan hati selain daripada fizikal. Ustazah Deja menjelaskan:

“dalam-dalam yang sama...aa secara tidak langsunglah, dia memberi kesan kepada rohani dan hati kita lah. Mhm. maknanya bukan setakat fizikal..” (4:59/216/TB USTH DEJA)

Kepentingan Dakwah

Kepentingan kedua penerapan kemahiran berfikir kritis dalam pengajaran Akidah adalah untuk kepentingan dakwah. Menurut Ustaz Kamal, kemahiran berfikir kritis penting untuk digunakan dalam dakwah kepada golongan bukan Islam. Hal ini kerana golongan bukan Islam sukar menerima hujah yang bersumberkan al-Quranul Karim kerana tiada konsep tauhid di dalam diri mereka. Menurut Ustaz Kamal:

“Jadi sebab non-Muslim ni mereka ni kalau kita buat hujah al-Quranul karim mereka mungkin sukar untuk percaya sebab mereka tak beriman. Dari situlah peranan pemikiran kritis yang diperlukan untuk mengajak non-Muslim ini berfikir aa dan

akhirnya alhamdulillah kesannya pun kita nampak ya ramai yang Islam dengan izin Allah SWT". (3:9/45/TB UST KAMAL)

Seterusnya, Ustaz Kamal menambah, melalui berfikir kritis, seseorang yang ingin menyampaikan kebenaran dapat menggunakan metafora dan analogi yang terdapat di dalam al-Quran. Metafora dan analogi tersebut perlu disampaikan dengan bijak supaya mudah diterima oleh akal fikiran golongan bukan Islam yang akhirnya membawa kepada keyakinan:

"Tapi Aa mereka akan gunakan metafora ataupun analogi itu yang ada dalam Quran dan mereka sampaikan dalam pendekatan yang lain nak menggunakan akal yang ada supaya non-muslim itu dia boleh menerima tentang kebenaran yang disampaikan pendakwah tersebut...dan pada akhirnya apabila non-Muslim tu masuk Islam baru mereka lihat rupanya benda tu dah ada dalam al-Quran dengan Sunah Nabi. Itu teknikal lah". (3:16/68/TB UST KAMAL)

Tambahan pula, Ustazah Deja menyatakan pnggunaan akal yang sebaiknya dapat membezakan perkara yang betul dengan perkara yang salah. Hal ini dapat mempengaruhi keseimbangan jasmanai, emosi, rohani dan intelektual serta sosialis. Ustazah Deja menyatakan:

"Hmm jadi, hmm pentingnya aa kita sebut tadi. Pentingnya menggunakan akal sebaiknya untuk dia tahu di mana batas.. untuk dia tahu yang mana betul dan mana yang salah". (4:44/167/TB USTH DEJA)

Elak Ancaman Negatif

Tema yang ketiga adalah elak ancaman negatif. Pemikiran kritis dalam Akidah dilihat penting untuk mengelakkan berlaku sebarang ancaman negatif terutamanya dalam bentuk pemikiran. Sumber ilmu yang pelbagai dan rencam boleh menjurus kepada ancaman negatif jika tidak dikaji atau diselidiki terlebih dahulu. Menurut Ustazah Eda, tiada salah mengambil ilmu dari sumber barat, namun ilmu yang diperolehi perlu diteliti agar seiring dengan Islam yang berpandukan al-Quran dan hadis. Ustazah Eda menyatakan:

"Aa kalau nak aa dengan ilmu Barat ni aa.. sebab aa zaman sekarang ni kan dia.. aa ilmu kita aa.. ilmu ni aa dia luas.. mhm aa menurut aa Barat, bukan pendapat Barat bukan kita tak boleh terima. Cuma dia hanya bagi secara dia bagi pendapat dia, tapi kita sebab kita Islam, kita berdasarkan al-Quran dan Hadis". (1:51/449/TB USTH EDA)

Tambahan pula, Ustaz Zul menyatakan zaman kini maklumat mudah diperolehi di hujung jari tanpa sempadan dan tapisan merupakan cabaran hebat bagi umat Islam. Maka kemahiran berfikir kritis penting buat umat Islam khususnya buat pelajar sekolah berhadapan dengan cabaran maklumat tanpa sempadan di era ini.

"gadget itu zaman kita tak ada. Tapi zaman mereka ini tunjuk jari saja, tanpa tapisan. Itu maknanya dunia tanpa sempadan. Jadi maknanya itulah maknanya bila cabaran orang Islam ni hebat kat luar, kita pun terasa apa akan jadi kepada orang Islam aa umat Islam di peringkat sekolah kita ni untuk berhadapan dengan cabaran di luar itu?" (7:175/504/TB UST ZUL)

Seterusnya, begitu juga dengan pendapat Ustaz Bukhari yang menyatakan bahawa kemahiran berfikir kritis dapat membantu mengelakkan ancaman negatif berupa sebarang bentuk pemikiran yang mengganggu pegangan akidah murid. Ustaz Bukhari menyatakan:

"kita ingatkan pelajar bahawa selalu usaha doa dan tawaqal.. maknanya jangan sampai terkeluar dia lihat dia usaha semata-mata..itu ganggu akidah dah tu kalau kata dia hanya berpegang pada usaha, Jabariyah ke Qadariyah yang hanya bergantung

kepada ikhtiar kan.. jadi kita kena seiringkan usaha tu.. jangan sampai dia ingat ,takut nanti dia terlebih pula belajar..dia study sampai 2,3 pagi..lepas tu subuh terlajak.Maknanya tak kenalah cara tu.. jadi perlulah dia keluar daripada benda -benda yang tak sepatutnyalah". (5:26/150/TB UST BUKHARI)

Memantapkan Akidah

Tema yang keempat adalah memantapkan akidah. Menurut Ustaz Bukhari, kemahiran berfikir kritis dapat membantu murid untuk lebih memahami perkara yang terkandung di dalam al-Quran dan hadis. Ustaz Bukhari berpendapat bahawa:

"Apa yang dinyatakan di dalam al-Quran dan Hadis kita perlu terima.. cumanya pemikiran kritis tu untuk bantu kita untuk lebih memahami benda tersebut berdasarkan bukti dan juga dalillah yang kita tak boleh lari dari kerangka Quran dan hadis". (5:5/73/TB UST BUKHARI)

Selain itu, kepercayaan dan Akidah murid perlu mantap dan sentiasa digilap melalui pendidikan. Ustaz Zul menyatakan bahawa:

"kena mantapkan kepercayaan supaya Akidah mereka ni mantap dan sentiasa digilap dan juga diberi aa pendidikan dan tidak terlepaslah.." (7:14/75/TB UST ZUL)

Kesan Positif

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kemahiran berfikir kritis adalah penting dalam pengajaran Bidang Akidah kerana memberikan kesan positif yang signifikan kepada murid dan juga GPI. Berdasarkan temu bual, peserta menyatakan bahawa kemahiran berfikir kritis dapat meningkatkan minat dan memajukan akademik murid. Ustaz Kamal menyatakan:

"Aa jadi kalau kita boleh rangsang akal pelajar.. minat pelajar itu supaya dia berfikir, insya-Allah maka mereka akan jadi pelajar yang lebih majulah. Aa dalam bidang akademik. Insya-Allah". (3:38/156/TB UST KAMAL)

Selain itu, kajian ini mendapati peserta kajian berpendapat bahawa murid yang dilatih dengan kemahiran berfikir kritis dapat mengaplikasikannya dalam proses pembelajaran. Menurut Ustazah Eda muridnya dapat melakukan perbandingan berkaitan sumber maklumat daripada ahli pemikiran Islam dan barat.

"Dia buat perbandingan. Pendapat aa apa aa Barat mengatakan sedemikian. Pendapat aa kita hmm apa? Daripada aa apa ahli pemikiran Islam ni mengatakan" (1:11/37/TB/USTH EDA)

Tambahan pula, Ustazah Deja menyatakan bahawa melalui penerapan kemahiran berfikir kritis, beliau juga dapat bertukar dan berkongsi ilmu dengan muridnya. Menurut Ustazah Deja, ilmu Allah ini luas, adakalanya, beliau juga dapat memperolehi sesuatu maklumat baharu daripada murid beliau. Ustazah Deja menjelaskan:

"dan pada saya, satu lagi caranya adalah, kita bukan.. saya selalu tekan kepada pelajar.. Saya saya bukan memberi ilmu tapi saya berkongsi. Kalau saya beri senang, saya kata mhm kepala ambil masuk, ha dah.. tapi bila kita berkongsi maksudnya perkongsian ni mungkin maklumat itu datang daripada pelajar, ada benda yang kita tidak tahu, ilmu Allah ni.. ilmu Allah ni luas. Ada benda yang dia tahu, kita tidak tahu.. tapi kita berkongsi. itulah..." (4:50/167/TB USTH DEJA)

Seterusnya, Ustaz Bukhari menyatakan bahawa penerapan pemikiran kritis di dalam pengajaran Akidah dilihat penting kerana memberikan kesan positif jangka panjang kepada murid. Murid dapat istiqomah melaksanakannya di dalam memilih tindakan yang betul di dalam kehidupan seharian. Ustaz Bukhari berpendapat:

“kita mengharapkan pelajar akan dia selalu berfikir.. sedangkan dalam al-quran pun banyak diulang afala ta'qilun.. afala tatafakkarun.. tidakkah kamu memikirkannya.. tidakkah kamu berfikir.. Jadi kita mengharapkan perlu diterapkan pemikiran kritis.. kita nak pelajar bila dia berhadapan dengan sesuatu perkara baru ataupun perkara dah lama tapi dia mengikut benda tersebut.. Kita nak dia boleh bila masa pada waktu-waktu tertentu Dia memikirkan benda tu.. dia bukan hanya nak ikut je tanpa dia ada rasa nak fikir benda yang dia ikut tu betul ataupun salah”. (5:20/122/TB UST BUKHARI)

KESIMPULAN

Aspek utama kepercayaan GPI dalam skop kajian ini adalah aspek keyakinan berupa kepercayaan terhadap kesesuaian dan kepentingan penerapan kemahiran berfikir kritis di dalam pengajaran Bidang Akidah KSSM. Kepercayaan terhadap kepentingan pemikiran kritis akan menggerakkan GPI menerapkan kemahiran berfikir kritis dalam pengajaran Akidah KSSM kerana memahami pengajaran Akidah KSSM bukan sekadar fakta untuk dipelajari bahkan untuk dihayati dan dirumuskan di dalam kehidupan. Justeru, kepercayaan GPI terhadap kesesuaian dan kepentingan pemikiran kritis merupakan unsur dalaman yang mencetuskan amalan penerapan kemahiran berfikir kritis dalam pengajaran Akidah KSSM.

RUJUKAN

- Cresswell, J.W. (1998). *Qualitative Inquiry and Rsearch Design: Chosing among Five Tradition*. California CA: Sage Publication
- Fatimah Abdullah. (2005). Teaching Islamic Theology In The Era of Globalization.Proceedings International Seminar Religious in the Muslim World: Challenges and Prospect.
- Fathiyah Mohd Fakhruddin. (2012). Peranan & Cabaran Guru dalam Pengajaran Pendidikan Islam. Penerbit UPM.
- KPM. (2017). Dokumen Standart Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Islam Tingkatan Tiga.Putrajaya.
- Mohd Arif Kasmu. (1998). Pengukuhan akidah menerusi penghayatan sains dalam Al-Qur“an dalam kerangka pembangunan akhlak pelajar. Jurnal Pendidikan, Jilid 8(Disember), 1–16.
- Mohd Zaidi, I. (2019). Aqal Dalam Islam. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM.
- Mohd Zaidi Ismail. (2013). Kerangka Aqal-Naqal dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025: Beberapa Catatan Pemerhatian Awal. Kertas Kerja Seminar Pemerkasaan Pengajaran Agama Islam Di Malaysia: Menilai Cabaran Semasa Guru Pendidikan Islam. Anjuran IKIM Dan KPM, 24-25 Sept.
- Norazilawati, A. (2020). Trend Dan Isu Pendidikan Abad ke-21. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nursafra Mohd Zhaffar. (2017). Kefahaman Dan Amalan Penerapan Pemikiran Kritis Dalam Pengajaran Pendidikan Islam Sekolah Menengah. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Norsaleha Mohd. Salleh , Ab. Halim Tamuri & Salleh Amat. (2017). Akidah, Emosi & Spiritual Remaja. Kajang: Penerbit KUIS.

Wan Hasan Wan Embong & Kamarul Azmi Jasmi. (2019). Perspektif Baharu Dalam Pengkaedahan Pendidikan Akidah Di Malaysia. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.